

13/09/1999

Filipina pelawa pelabur projek ladang, makanan

KUANTAN, Ahad - Filipina mempelawa pengusaha negara ini terutama dari Pahang, untuk membuat pelaburan dalam projek perladangan dan pemprosesan makanan di Selatan Mindanao menerusi konsep perkongsian pintar.

Pelawaan itu dibuat bekas Presiden Filipina, Fidel V Ramos dalam pertemuan dengan Menteri Besar, Datuk Adnan Yaakob di sini, hari ini.

"Kita amat tertarik untuk menukarkan pengeluaran minyak kelapa yang menjadi kegiatan utama di Filipina kepada minyak kelapa sawit dengan membuka lebih banyak ladang sawit di sana.

"Ini kerana projek ladang sawit terbukti menguntungkan kerana harga komoditi itu stabil, manakala mereka yang terbabit dalam industri itu juga mendapat pulangan memuaskan," kata Ramos kepada pemberita selepas pertemuan dengan Adnan.

Ramos yang dalam lawatan seharusnya ke Pahang atas undangan Adnan, juga akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob di Kuala Lumpur Rabu ini.

Beliau berkata, pertemuan dengan Perdana Menteri akan membantu kedua-dua kerajaan Malaysia dan Filipina mengeratkan lagi perhubungan, selain mengukuhkan kegiatan ekonomi, terutama membabitkan pelaburan.

"Ia akan memberi peluang saya melawat Pusat Pentadbiran Pintar dan Koridor Raya Multimedia (MCS) di Cyberjaya," katanya.

Beliau berkata, lawatannya ke Putrajaya dan Cyberjaya adalah selaras rancangan dan program yang sama ingin dilaksanakan di Filipina.

"Bagi rancangan masa depan, kita sedang berusaha untuk memberi galakan kepada golongan muda membabit diri dalam bidang sains dan teknologi, selain teknologi maklumat pada abad ke-21," katanya.

Ramos juga dijadualkan akan memberi ceramah mengenai 'masa depan Asia Tenggara pada abad ke-21' kepada pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Selasa ini.

Ramos adalah Pengerusi Yayasan Pembangunan dan Keamanan Ramos yang mempunyai rangkaian rakan kongsi membabitkan kira-kira 20 negara, termasuk Malaysia, terutama dengan badan perniagaan dan akademi yang banyak memberi sokongan terhadap program utama kerajaan Filipina.

Menurutnya, selain industri minyak sawit, Filipina juga berminat mengadakan usaha sama dengan syarikat tempatan negara ini dalam industri pemprosesan makanan.

"Oleh kerana kita mempunyai keupayaan dalam bidang pembuatan dan pemprosesan, kedua-dua negara boleh mencari jalan terbaik untuk meningkatkan rangkaian pemasaran dalam industri pemakanan, termasuk dengan negara lain.

"Saya mahu kegiatan itu menjadi apa yang saya sifatkan sebagai perkiraan baru iaitu satu tambah satu menjadi tiga, bergantung kepada kualiti dalam semangat kerja berkumpulan," katanya.

Sementara itu, Adnan berkata, kerajaan Pahang tidak keberatan melabur di negara itu, jika mempunyai peluang baik untuk berbuat demikian.

"Saya rasa setakat ini, Pahang adalah satu-satunya negeri di negara ini yang mempunyai hubungan terus dengan negara itu sejak dulu lagi.

"Hubungan itu bermula, apabila anak syarikat Lembaga Kemajuan Pertanian dan Perusahaan Pahang (LKPP), iaitu Kurnia Setia meninjau peluang pelaburan di Mindanao," katanya.

Menurutnya, Pahang dan Filipina juga akan meneruskan usaha mengukuhkan

hubungan dua hala yang terjalin sejak 1993 bagi memastikan usaha sama ekonomi dan pertukaran budaya dapat ditingkatkan.

(END)